TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



# 942/2 STPM 2008

# GEOGRAFI

## KERTAS 2

## (ALAM SEKITAR MANUSIA)

(Tiga jam)

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA**
**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2008**

**ANJURAN BERSAMA**
**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS) DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab* ***empat soalan.***

*Markah kepujian akan diberikan kepada anda sekiranya anda menggunakan peta lakar dan gambar rajah yang sesuai.*

*Markah kepujian akan diberikan juga untuk contoh yang khusus dan teliti yang dikaji Melalui kajian luar dan kajian tempatan yang dibuat sendiri.*

*Semua penghitungan hendaklah diserahkan bersama dengan jawapan anda.*

*Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]*

*Sekiranya bahan yang perlu diperiksa dibuat pada helaian 5 , helaian itu hendaklah dipisahkan daripada kertas soalan dan diserahkan bersama dengan jawapan anda.*

**NOTA**: kertas graf akan dibekalkan sekiranya diminta.

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak**



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

**1** **Jadual 1** menunjukkan kepadatan penduduk bagi negara-negara Asia Tenggara pada tahun 1996

| Negara | Kepadatan Penduduk (orang/km persegi) |
|---|---|
| Brunei | 48 |
| Filipina | 240 |
| Indonesia | 104 |
| Kemboja | 59 |
| Laos | 20 |
| Malaysia | 64 |
| Myanmar | 66 |
| Singapura | 4839 |
| Negara Thai | 117 |
| Vietnam | 227 |

(a) Berdasarkan **Jadual 1** , lukis sebuah peta koroplet bagi menunjukkan kepadatan penduduk negara-negara Asia Tenggara pada tahun 1996 di atas peta kosong yang disediakan. [10]

(b) Dengan merujuk sebuah negara di Asia Tenggara, huraikan **empat** faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di negara tersebut. [8]

(c) Jelaskan **tiga** kesan kepadatan penduduk yang tinggi di bandar-bandar utama di Asia Tenggara. [7]

**2** (a) Huraikan maksud dan jenis-jenis *sumber alam*? [5]

(b) Huraikan **lima** kepentingan sumber alam kepada manusia dan pembangunan negara. [10]

(c) Jelaskan **lima** kesan penerokaan sumber alam terhadap alam sekitar fizikal. [10]

**3** (a) Dengan merujuk kepada negara Malaysia,

(i) Nyatakan **tiga** buah negeri yang terlibat dalam sektor pembalakan [3]

(ii) Terangkan **lima** kesan pembalakan terhadap alam sekitar fizikal di negara tersebut. [10]

(iii) Huraikan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan hutan yang telah dijalankan di negara itu. [12]



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



**Atau**

(b) (i) Nyatakan **tiga** sistem pengangkutan di Malaysia. [3]

(ii) Senaraikan **tiga** pelabuhan utama di Malaysia [3]

(iii) Jelaskan kesan-kesan perkembangan jaringan pengangkutan terhadap persekitaran fizikal di Malaysia [10]

(iv) Dengan merujuk kepada **sebuah** negara di Asia Tenggara, jelaskan faktor-faktor yang mengehadkan sumbangan sistem pengangkutan air di negara tersebut. [9]

**4** Jadual di bawah menunjukkan Keluasan Kawasan penanaman kelapa sawit, getah dan padi di Malaysia pada tahun 1999 hingga 2001.

| Tahun / Sektor | 1999 | 2000 | 2001 |
|---|---|---|---|
| Kelapa sawit | 3313 | 3377 | 3499 |
| Getah | 1424 | 1344 | 1315 |
| Padi | 692 | 699 | 673 |

(unit : ribu hektar)

(a) Berdasarkan jadual di atas, lukis graf bar yang sesuai untuk membandingkan keluasan kawasan penanaman kelapa sawit, getah dan padi di Malaysia pada tahun 1999 hingga 2001 [10]

(b) Jelaskan sumbangan sektor pertanian terhadap ekonomi di Malaysia [8]

(c) Terangkan langkah-langkah yang telah dijalankan untuk membangunkan sektor pertanian di Malaysia. [7]

**5** (a) Takrifkan *pembandaran* [4]

(b) (i) Dengan merujuk kepada sebuah negara di Asia Tenggara, jelaskan **lima** peranan bandar dalam pembangunan negara tersebut. [11]

(c) (ii) Jelaskan kesan-kesan pembandaran terhadap alam sekitar fizikal di negara tersebut. [10]



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

TheMind's Q'Bank - A non-profit community initiative by TheMind Association www.themindassociation.org



**6** (a) (i) Takrifkan *industri sekunder* [3]

(ii) Senaraikan **tiga** jenis industri sekunder [3]

(b) Dengan merujuk sebuah negara di Asia Pasifik,

(i) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan industri perkilangan di negara tersebut. [11]

(ii) Jelaskan elemen-elemen yang boleh diterapkan dalam sektor perindustrian bagi mencapai tahap pembangunan lestari di negara itu. [8]

**7** (a) (i) Takrifkan konsep *Pertumbuhan Segi Tiga.* [4]

(ii) Namakan **tiga** negara di Asia Tenggara yang mengganggotai IMT-GT. [3]

(b) Jelaskan **lima** masalah yang dihadapi oleh Pakatan Pertumbuhan Segi Tiga ASEAN dalam memajukan pembangunan ekonomi di rantau Asia Tenggara. [10]

(c) Jelaskan kepentingan kerjasama serantau dalam melindungi alam sekitar di rantau Asia Tenggara [8]

8 Berdasarkan kajian lapangan yang telah anda jalankan,

(a) Pilih satu jenis kegiatan *ekonomi tertier*. [2]

(b) Huraikan tiga ciri kegiatan ekonomi tertier yang dijalankan di kawasan tersebut. [6]

(c) Jelaskan lima kesan aktiviti ekonomi tersebut terhadap alam sekitar. [10]

(d) Cadangkan tiga langkah yang boleh dijalankan untuk mengurangkan kesan aktiviti ekonomi tersebut. [6]

(e) Nyatakan kaedah kajian yang anda gunakan untuk mendapatkan data bagi soalan (b) dan (c) [1]



TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.

Nama :……………………………………………… Tingkatan……………………………

*Jika peta ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, peta ini mestilah diserahkan bersama dengan jawapan anda*






TheMind's Q'Bank Note - The Intellectual Property of the question set lies with its original copyright owner.Use the document as a complete set and do not ammend any pages.